



07 OCT, 2023

KES RAMPASAN DADAH ASAL MALAYSIA BABITKAN AUSTRALIA

Harian Metro, Malaysia



>>KES RAMPASAN DADAH ASAL MALAYSIA BABITKAN AUSTRALIA

4 September 2023

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 51.36 kilogram (kg) methamphetamine bernilai RM1.7 juta yang mahu diseludup ke Australia dalam serbuan di sebuah gudang di Pelabuhan Klang, Selangor.

13 Mac 2023

Pasukan Sempadan Australia merampas 336 kilogram heroin bernilai A\$268.8 juta (RM789.56 juta) ditemui dalam kontena berisi konkrit yang dihantar dari Malaysia ke Brisbane, Australia. Konsainan itu diisytiharkan sebagai aksesori panel solar dan tiba di Brisbane sebelum pemeriksaan menemui paket berisi dadah heroin.

harkan sebagai aksesori panel solar dan tiba di Brisbane sebelum pemeriksaan menemui paket berisi dadah heroin.

16 Oktober 2021

Polis Australia merampas penghantaran heroin terbesar pernah dikesan di

negara itu bernilai dianggarkan A\$140 juta. Heroin seberat 50 kg (990 paun) dikesan dimuatkan dalam kontena berisi jubin seramik yang dihantar dari Malaysia dan dialamatkan kepada perniagaan Melbourne.

9 Oktober 2019

Seorang pramugari sebuah syarikat penerbangan komersil Malaysia ditangkap pihak polis Australia selepas cuba menyeludup heroin bernilai jutaan ringgit disembunyikan dalam seluar dalam dan colinya.

28 Jun 2019

Seorang lelaki warga Malaysia berusia 38 tahun ditahan selepas cuba menyeludup 16 biji pelet berisi heroin seberat 700 gram di Lapangan Terbang Avalon, Australia dalam penerbangan dari Kuala Lumpur Selasa lalu.